



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 25
No. 16

30hb Julai 1981

TAMBAHAN No. 47
PERUNDANGAN (A)

✓ P.U. (A) 215.

AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (AKTA LEMBAGA
PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN 1965) 1981

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15 Akta *Akta 1.*
Penyemakan Undang-undang 1968, Pesuruhjaya Penyemakan
Undang-undang, dengan kelulusan Jawatankuasa Penyemakan
Undang-undang, membuat Perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Penyemakan** *Nama dan*
Undang-undang (Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan *tarikh mula*
1965) 1981 dan hendaklah disifatkan telah berkuatkuasa mulai *berkuat-*
dari 1hb Julai 1974. *kuasa.*

2. Seksyen 1A Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, *Pembetulan*
1965 adalah dibetulkan dengan menggantikan "padi and rice" *Akta 141.*
yang terdapat dalam takrif "agricultural produce" dengan "padi,
rice and tobacco".

Dibuat pada 18hb Julai 1981.
[P.N. (S.U. 2) 139; (PU²) 231.]

TAN SRI DATUK CHANG MIN TAT,
Pesuruhjaya Penyemakan Undang-undang,
Malaysia

REVISION OF LAWS ACT 1968

REVISION OF LAWS (FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING
AUTHORITY ACT 1965) ORDER 1981

IN exercise of the powers conferred by section 15 of the Revision *Act 1.*
of Laws Act 1968, the Commissioner of Law Revision, with the

approval of the Law Revision Committee, makes the following Order:

Citation and effective date.

1. This Order may be cited as the **Revision of Laws (Federal Agricultural Marketing Authority Act 1965) Order 1981** and shall be deemed to have the force of law with effect from the 1st July 1974.

Rectification of Act 141.

2. Section 1A of the Federal Agricultural Marketing Authority Act 1965, is rectified by substituting "padi, rice and tobacco" for "padi and rice" appearing in the definition of "agricultural produce".

Made the 18th July 1981.
[P.N. (S U. 2) 139; (PU²) 231.]

TAN SRI DATUK CHANG MIN TAT,
Commissioner of Law Revision,
Malaysia

✓ P.U. (A) 216.

AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980

PERINTAH AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN BAGI JADUAL PERTAMA) 1981

Akta 237,

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh peronggan 19A Jadual Pertama Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Yang di-Pertuan Agong membuat Perintah yang berikut:

Nama.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan bagi Jadual Pertama) 1981** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 9hb Jun 1981.

Pindaan bagi Jadual Pertama.

2. Jadual Pertama Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan kecil (2) perenggan 3 dengan perenggan kecil (2) yang berikut:

“(2) Walau apa pun peruntukan perenggan kecil (2) perenggan 2—

(a) dalam hal seseorang yang telah memegang jawatan Perdana Menteri dan jika tempoh perkhidmatannya yang boleh dimasukira ialah 36 bulan atau kurang, pencen bulanan yang kena dibayar di bawah perenggan kecil (2) perenggan 2 adalah suatu jumlah wang yang dikira berdasarkan 36 bulan perkhidmatan yang boleh dimasukira atau tiga ribu ringgit, mengikut mana yang lebih besar; dan

(b) dalam hal seseorang yang telah memegang jawatan Perdana Menteri dan jika tempoh perkhidmatannya yang boleh dimasukira lebih dari 36 bulan tetapi pencen yang kena dibayar di bawah perenggan kecil (2) perenggan 2 adalah kurang daripada tiga ribu ringgit, maka pencen bulanan yang kena dibayar ialah tiga ribu ringgit.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan 20 perenggan 21 yang berikut:

“Faedah
bagi
bekas
Perdana
Menteri.

21. (1) Seseorang yang terhenti memegang jawatan Perdana Menteri, atau seseorang yang dahulunya telah memegang jawatan Perdana Menteri sebelum tarikh Akta ini berkuatkuasa, dan pada masa ini bukan seorang Ahli, adalah berhak mendapat apa-apa elaun dan keistimewaan mengikut apa-apa kadar dan atas apa-apa had dan syarat sebagaimana ditetapkan oleh Jumaah Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Ketetapan oleh Jumaah Menteri menurut perenggan kecil (1) hendaklah dipakai *mutatis mutandis* kepada elaun, faedah dan keistimewaan yang kena dibayar atau yang diberi menurut perenggan (c), (d) dan (e) seksyen 2 Akta Pencen Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj 1971 seolah-olah ianya diberi di bawah perenggan kecil (1).”

Akta 22.

Diperbuat pada 15hb Julai 1981.
[PM. (R) 11880/A/546/XI Jld. II; PN. (PU²) 369.]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI HASHIM BIN AMAN,
Setiausaha Jumaah Menteri

MEMBERS OF PARLIAMENT (REMUNERATION) ACT 1980

MEMBERS OF PARLIAMENT (REMUNERATION) (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 1981

In exercise of the powers conferred by paragraph 19A of the First Schedule to the Members of Parliament (Remuneration) Act 1980, the Yang di-Pertuan Agong makes the following Order: Act 237.

1. This Order may be cited as the **Members of Parliament (Remuneration) (Amendment of First Schedule) Order 1981** and shall be deemed to have come into force on the 9th June 1981. Citation.

2. The First Schedule to the Members of Parliament (Remuneration) Act 1980 is amended— Amendment of First Schedule.

(a) by substituting for subparagraph (2) of paragraph 3 the following subparagraph (2):

“(2) Notwithstanding subparagraph (2) of paragraph 2—

(a) in the case of a person who has held the office of Prime Minister and where the length of his reckonable service is 36 months or less, the monthly pension payable under subparagraph (2) of paragraph 2 shall be that sum computed on the basis of 36 months reckonable service or three thousand ringgit, whichever is the greater; and

(b) in the case of a person who has held the office of Prime Minister and where the length of his reckonable service is more than 36 months but the pension payable under subparagraph (2) of paragraph 2 is less than three thousand ringgit, the monthly pension payable shall be three thousand ringgit.”; and

(b) by inserting after paragraph 20 the following paragraph 21:

“Benefits
for former
Prime
Ministers.

21. (1) A person who ceases to hold the office of Prime Minister, or a person who had previously held the office of Prime Minister before the date of the coming into force of this Act, and is not currently a Member shall be entitled to such allowances and privileges at such rates and on such terms and conditions as may be determined by the Cabinet from time to time.

Act 22.

(2) The determination by the Cabinet pursuant to subparagraph (1) shall apply *mutatis mutandis* to the allowances, benefits and privileges payable or conferred pursuant to paragraphs (c), (d) and (e) of section 2 of the Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Pension Act 1971 as if they were conferred under subparagraph (1).”.

Made the 15th July 1981.

[PM. (R) 11880/A/546/XI Jld. 11; PN. (PU³) 369.]

By Command,

TAN SRI HASHIM BIN AMAN,
Secretary to Cabinet

γ P.U. (A) 217.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

STATUT XXXIII (SIRI BAHARU)

STATUT UNIVERSITI MALAYA (FAKULTI) 1981

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 26 Perlembagaan Universiti Malaya, Canselor membuat Statut yang berikut:

P.U. (A)
104/72.

Nama dan
mula ber-
kuatkuasa.

1. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Malaya (Fakulti) 1981** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

BAHAGIAN I

FAKULTI

Kuasa dan
tugas
Fakulti.

2. Maka hendaklah ada dalam tiap-tiap Fakulti yang ditubuhkan di bawah seksyen 18 Perlembagaan Universiti sebuah badan dikenali sebagai *Fakulti* yang akan bertanggungjawab kepada Senat